



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 67
Bil. 23

13hb November 2014

TAMBAHAN
No. 2

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 2849.

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 307 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu* pada 27 Februari 1950, Raja dalam Mesyuarat pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 24(i) Kanun Tanah telah mengisytiharkan bahagian tanah yang terletak di Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan Hasil Ukur Bil. 18,570 yang disimpan di Pejabat Ketua Jurukur, Perak bagi maksud awam iaitu suatu tapak untuk Perkuburan Islam Penempatan Kuala Pari dan diarahkan bahawa rizab tersebut dikawal oleh Penghulu Ulu Kinta, Ketua Kampung Kuala Pari dan Kadi Ipoh;

Dan bahawasanya, adalah kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban tanah yang disebut terdahulu itu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu, mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Perak dalam satu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh pada 27 November 2014 jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—18,570. No. Lot—35,810. Luas—3 ekar.

Bertarikh 28 Oktober 2014
[PTG.Pk.239/7-510(C); PTK(I)1/2-30;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 62]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Perak Darul Ridzuan

Whereas, by Notification No. 307 published in the Federation of Malaya Government *Gazette* on 27 February 1950, the Ruler in Council exercise of the powers conferred upon hereby subsection 24(i) of the Land Code proclaimed that the parcel of land situated in Ipoh Town, District of Kinta described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 18,570 deposited in the Chief Severyor, Perak for the public purpose of a site for Burial Ground for the Muslim Community of the Kuala Pari Malay Settlement, and directs that the said reserve to be controlled by the Penghulu, Ulu Kinta, Ketua Kampung, Kuala Pari and the Kadhi, Ipoh;

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke the reservation as described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines, Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office of Kinta, Ipoh on 27 November 2014 at 8.00 a.m. to 1.00 p.m.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—18,570. Lot No.—35,810.
Area—3 acres.

Dated 28 October 2014
[PTG.Pk.239/7-510(C); PTK(I)1/2-30;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 62]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

Hakcipta Pencetak^(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA